

Bil. S 52

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2008/2009) (BIL. 3), 2009

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 4/08) bertarikh 15 haribulan Januari, 2008 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu tujuh ratus lapan puluh lima juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus empat puluh lapan ringgit (\$4,785,785,648.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2008/2009), 2008 (Akta 1 tahun 2008);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh juta ringgit (\$30,000,000.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2008/2009) (Bil. 1), 2008 (S 106/08);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh tiga juta, lima ratus dua puluh tujuh ribu, enam ratus tiga puluh ringgit (\$43,527,630.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2008/2009) (Bil. 2), 2009 (S 22/09);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak empat juta dua puluh ribu ringgit (\$4,020,000.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara

Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2008/2009) (Bil. 3), 2009.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2008/2009, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat juta dua puluh ribu ringgit (\$4,020,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2008/2009, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2008/2009), 2008 (Akta 1 tahun 2008), Perintah Perbekalan Tambahan (2008/2009) (Bil. 1), 2008 (S 106/08) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2008/2009) (Bil. 2), 2009 (S 22/09) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Luarjangka yang diwujudkan oleh bab 10(1) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk	[4] Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
KEMENTERIAN KESIHATAN			
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$4,020,000.00	\$4,020,000.00
		\$4,020,000.00	\$4,020,000.00

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 17 haribulan November, 2009 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM